

Bil. S 63

PERLEMBAGAAN NEGERI BRUNEI, 1959
(Perintah di-bawah Bab 83(3))

PERENTAH KUMPOLAN WANG KESELAMATAN DAN PERTAHANAN,
1975

Pada menjalankan kuasa2 yang di-beri kapada-nya oleh cheraian (3) Bab 83 dari Perlembagaan Negeri Brunei, maka Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut : —

- Gelaran. 1. Perintah ini boleh di-gelar sebagai Perintah Kumpulan Wang Keselamatan dan Pertahanan, 1975 dan hendak-lah berjalan kuat-kuasa-nya pada 1 haribulan January, 1975.
- Penubohan Kumpulan Wang Keselamatan dan Pertahanan. 2. Maka dengan ini ada-lah di-tubuhkan satu Kumpulan Wang yang akan di-gelar Kumpulan Wang Keselamatan dan Pertahanan (salepas ini di-sebut sebagai Kumpulan Wang).
- Pengenaan ke-atas Kumpulan Wang Yang Di-Satukan. 3. Jumlah sa-banyak tujuh juta ringgit hendak-lah di-masokkan ka-dalam Kumpulan Wang pada 1 haribulan January 1975 dan pada 1 haribulan bagi tiap2 tahun berikutan-nya dengan mengenakan ke-atas Kumpulan Wang Yang Di-Satukan.
- Penggunaan wang2 yang ada dalam Kumpulan Wang. 4. Mentri Besar boleh mengarahkan supaya di-gunakan daripada sebarang wang yang ada dalam Kumpulan Wang jumlah2 wang yang mungkin perlu untuk menemui apa jua perbelanjaan yang di-kenakan terhadap keselamatan dan pertahanan Negeri selain dari jumlah wang yang telah di-peruntokkan oleh sa-suatu Undang2 Perbekalan.
- Waran untuk membenarkan pengeluaran wang2. 5. Pegawai Kewangan Negara hendak-lah dengan waran yang di-tanda tangani oleh-nya membenarkan pengeluaran daripada Kumpulan Wang jumlah2 wang yang mungkin di-arahkan oleh Mentri Besar untuk di-gunakan bagi maksud yang di-nyatakan dalam perenggan 4 dari Perintah ini.

Di-perbuat pada 21 haribulan May, 1975 di-Istana Darul Hana Beta, Brunei Darussalam.



DULI YANG MAHA MULIA
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN